

10 APR 2000

Sabah-Ekspo

PENCERAMAH TERKEMUKA BAGI EKSPLO ANTARABANGSA SABAH

KOTA KINABALU, 10 April (Bernama) -- Beberapa penceramah terkemuka dari Malaysia dan antarabangsa dijangka menyampaikan ceramah pada Persidangan Bisnes Antarabangsa mengenai Perdagangan dan Peluang-peluang sempena Ekspo Antarabangsa Sabah (SIE 2000) di sini bulan depan.

Pengerusi penganjur Wong Khen Thau selaku Presiden Persekutuan Pekilang Sabah (FSM) berkata mereka termasuk Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz serta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah diundang untuk merasmikan upacara itu, kata beliau ketika dihubungi di sini hari ini.

Penceramah lain ialah bekas Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee, Timbalan Ketua Menteri Datuk Tham Nyip Shen dan pakar-pakar tempatan mengenai pelancongan dan perkapalan.

Beberapa penceramah ternama dari Brunei, Thailand, Filipina dan Jepun juga dijadual berucap.

Wong berkata, SIE 2000 mendapat sambutan menggalakkan daripada ahli perniagaan dan pegawai kerajaan, baik tempatan mahupun antarabangsa.

"Negara asing yang telah mengesahkan penyertaan ialah Australia, Brunei, Filipina, Indonesia, New Zealand, Kanada, Jerman, Rusia, Perancis, United Kingdom, Afrika Selatan, China, Taiwan dan Jepun," kata beliau.

Persidangan selama sehari itu yang bertemakan "Sabah Into The New Millennium" ialah anjuran FSM dan Dewan Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia.

Mereka yang berminat untuk menyertai persidangan itu boleh menghubungi Sekretariat Sabah International Expo melalui telefon 088-253818, 242633.

-- BERNAMA

JS FAZ